



**KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

**TEKS UCAPAN**

**YANG BERHORMAT DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN  
SABU  
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

**SEMPENA**

**LAWATAN KE JELAPANG PADI BATANG LUPAR,  
SARAWAK**

**PADA**

**8 FEBRUARI 2024 (KHAMIS)**

**BERTEMPAT DI**

**DEWAN NANGKAI, STUMBIN  
(BERHADAPAN DENGAN SK GRAN STUMBIN)**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wa Barakatuh dan Salam  
Sejahtera,

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis.

**[SALUTASI TERKINI RUJUK DI LAPANGAN]**

**YANG BERHORMAT DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI  
ABDUL KARIM**

Pengerusi Sri Aman Development Agency (SADA)

**YANG BERHORMAT DATUK ARTHUR JOSEPH KURUP**

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan

**YANG BERBAHAGIA DATUK LOKMAN HAKIM ALI**

Ketua Setiausaha

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)

**YANG BERBAHAGIA DATUK AZMAN BIN MAHMOOD**

Setiausaha Bahagian

Bahagian Pembangunan Industri Padi KPKM

**Ahli-ahli Yang Berhormat;**

Pegawai-pegawai kanan Persekutuan dan Negeri;

Wakil-wakil Jabatan dan Agensi;

Barisan sekretariat penganjur majlis;

Rakan-rakan media; dan

Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian.

Selamat Pagi dan Salam Malaysia MADANI.

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T, di atas izin dan limpah kurniaNya jua, dapat kita bersama-sama pada hari ini bersempena dengan lawatan kerja tiga (3) hari Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) ke jelapang padi di Negeri Sarawak.
2. Terima kasih diucapkan kepada Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Batang Lupar dan selaku penganjur utama bagi program lawatan kali ini.
3. Di kesempatan ini, saya juga ingin menzahirkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, Pengerusi Sri Aman

Development Agency (SADA) serta Kementerian, Jabatan dan Agensi di peringkat negeri Sarawak atas usaha dan kerjasama yang diberikan dalam menyokong usaha Kerajaan Persekutuan untuk memastikan agenda keterjaminan makanan negara dapat dicapai.

4. Pada Januari lalu, saya telah menyampaikan Amanat Tahun Baharu 2024 bertemakan **Program Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat atau PINTAR**. Tema ini mengangkat konsep inovasi dalam sektor agromakanan selaras dengan Dasar Agromakanan Negara 2021 – 2030 (DAN 2.0).
5. Fokus utama yang diberikan oleh Kementerian pada tahun ini adalah pengukuhan **empat (4) industri iaitu**:
  - (i) padi dan beras,
  - (ii) ayam dan telur,
  - (iii) bawang; dan
  - (iv) nenas.
6. Pengukuhan **empat (4) industri** ini amat penting sebagai langkah menghadapi isu semasa dan persediaan bagi menghadapi cabaran yang mendatang serta memastikan bekalan makanan sentiasa cukup dan terjamin.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

7. Beras merupakan makanan ruji rakyat Malaysia. Walaupun berdekad lamanya terlibat dalam pengeluaran padi dan beras, Negara kita masih lagi bergantung kepada beras putih import. Berdasarkan statistik tahun 2022, tahap sara diri beras negara (SSR) adalah sebanyak 62.6 peratus. Jumlah beras yang dihasilkan oleh negara hanyalah sebanyak 1.6 juta tan metrik berbanding keperluan sebanyak 2.5 juta tan metrik setahun.
8. Dengan jumlah pelaburan dan usaha yang dilaksanakan sebelum ini, Malaysia sepatutnya telah mencapai 100 peratus SSR, namun demikian industri padi dan beras negara masih berdepan dengan perlbagai cabaran dan isu yang berpunca daripada faktor dalaman dan luaran.
9. Selain mengoptimumkan sumber sedia ada, Kerajaan melihat antara strategi yang boleh diambil untuk meningkatkan hasil padi dan SSR negara adalah dengan mempertingkatkan jumlah keluasan kawasan penanaman padi di negeri Sabah dan Sarawak.
10. Pada ketika ini, negeri Kedah merupakan pengeluar bekalan beras utama negara iaitu 36.6 peratus daripada jumlah

pengeluaran negara. Ini disusuli negeri Kelantan (11.9%), Perak (11.8%), Perlis (10.2%) dan lain-lain negeri (29.5%). Daripada peratusan tersebut, sumbangan negeri Sarawak kepada pengeluaran padi negara adalah sebanyak 6.5 peratus.

11. Selain berhadapan dengan isu penyusutan keluasan, faktor cuaca turut mempengaruhi jumlah pengeluaran padi dan beras negara. Perubahan cuaca dan perubahan angin monsun di sesetengah bahagian seperti di bahagian Utara dan Pantai Timur Semenanjung telah menyebabkan hasil padi sering terjejas dan berkurangan.
12. Justeru, untuk jangka masa panjang, kita mesti memperkukuhkan sekuriti makanan negara dengan memberi tumpuan kepada peluasan kawasan tanaman padi di Sabah dan Sarawak.
13. Saya difahamkan, beberapa siri perbincangan bersama Kerajaan Negeri telah dibuat secara serius sebelum ini melibatkan pelbagai pihak dalam mencari kaedah terbaik untuk mempertingkatkan kawasan penanaman padi negara.
14. Pada kali ini juga, Kerajaan telah pun mula melaksanakan beberapa langkah drastik dan langkah jangka panjang bagi merubah industri ini secara holistik. Ke arah perubahan

tersebut, melalui PINTAR - saya telah mengarahkan Kementerian untuk menambah baik mekanisme pelaksanaan sedia ada dan merangka hala tuju baharu bagi industri padi dan beras negara, yang kita gelarkan sebagai “Gelombang Padi”.

15. **“Gelombang Padi” atau GP** ini akan menjadi *game-changer* yang akan mentransformasi industri padi dan beras negara sebagaimana kata pepatah “sekali ombak menghempas, sekali pantai berubah”. Terdapat 12 inisiatif yang telah digariskan, antaranya KPKM akan memperluaskan program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan ke seluruh negara; dan perluasan kawasan baharu jelapang padi.
16. Sepertimana semua sedia maklum, program SMART SBB Ala Sekinchan merupakan kerjasama strategik awam-swasta yang diperkenalkan oleh Kementerian pada Mei 2023. Program ini menyasarkan peningkatan Tahap Sara Diri (SSR) Beras Negara kepada 80 peratus menjelang tahun 2030 berbanding pencapaian semasa iaitu 62.6 peratus.
17. Persoalannya, bolehkah kita mencapai sasaran SSR 80 peratus dalam masa berbaki 6 tahun lagi? Jawapannya ialah

boleh. **Ianya tidak mustahil untuk dicapai**, sekiranya kita semua bekerja kuat dan mengubah cara kerja mulai sekarang.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

18. Kita telahpun mulakan program Ala Sekinchan ini di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan diteruskan ke IADA Kemasin Semerak, Kelantan dan IADA KETARA, Terengganu. Percubaan di kawasan MADA misalnya, kita telah pun berjaya meningkatkan pengeluaran padi sehingga 50 peratus.
19. Alhamdulillah. Usaha kita ini turut mendapat perkenan dan sokongan yang jitu daripada DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong ke-16. Pada 22 Januari 2024, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah telah berkenan untuk merasmikan pelaksanaan SMART SBB Ala Sekinchan di Pekan, Pahang.
20. Seterusnya, pada 28 Januari, saya sendiri telah merasmikan SMART SBB Ala Sekinchan di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Kelantan. Ini bermakna dalam beberapa bulan ini program Ala Sekinchan



ini sudah pun kita mulakan di Kedah, Terengganu, Selangor, Kelantan, Pahang dan Johor.

21. Melalui model baharu ala Sekinchan yang mengguna pakai teknologi dan cara kerja pesawah di Sekinchan, Selangor ini, saya amat yakin bahawa pesawah di luar jelapang juga akan berjaya meningkatkan purata hasil padi mereka seperti mana pencapaian program ini di Kg. Lat 1000, Perlis. Di sana hasil pengeluaran padi naik 50 peratus - daripada 7 tan metrik per hektar kepada 10.45 tan metrik per hektar.
22. Bergerak proaktif ke hadapan, pada 30 Januari 2024, yang lalu, satu mesyuarat yang dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan Industri Padi, KPKM telah diadakan bersama-sama wakil Kerajaan Negeri Sarawak, Jabatan, Agensi dan Syarikat yang berkaitan untuk mengenal pasti beberapa kawasan yang bersesuaian dan berpotensi dengan anggaran luas kawasan 50 hektar masing-masing di Daerah Batang Lupar dan Daerah Siburan, Sarawak bagi membolehkan Program SMART SBB Ala Sekinchan dilaksanakan.
23. Untuk makluman, Program SMART SBB di Sarawak telah pun dilaksanakan secara rintis di bawah seliaan IADA Batang Lupar, dengan usahasama strategik Syarikat

Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) dan Syarikat Advansia (Sarawak) Sdn. Bhd., membabitkan kawasan seluas 72 hektar di Blok C, Tanjung Bijat, Sri Aman bermula Luar Musim Tahun 2021. Seramai 202 orang pesawah telah memberanikan diri untuk menggalas perubahan dan inovasi ini. Syabas saya ucapkan kepada mereka semua yang terlibat.

24. Dalam konteks penggunaan varieti benih padi, jenis varieti padi yang digunakan bagi projek di bawah Program SMART SBB di Batang Lupar ini adalah MR269 iaitu keluaran MARDI yang dibawa masuk khas dari Semenanjung. Projek ini telah merekodkan prestasi purata bersih tuaian yang sangat memberansangkan pada musim 2 tahun 2023 iaitu sebanyak 5.5 tan per hektar berbanding 2.8 tan per hektar sebelum ini. Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sarawak yang mengalu-alukan kemasukan dan penggunaan benih padi sah keluaran MARDI untuk diperluaskan di Wilayah ini. Saya berharap selepas ini banyak lagi Varieti benih padi sah dibenarkan untuk dibawa masuk ke Sabah dan Sarawak.
25. Pada masa ini, harga belian padi Sabah dan Sarawak adalah agak rendah iaitu sekitar RM900 hingga RM1,100.

Kerajaan amat prihatin terhadap keluh kesah dan aduan daripada pesawah. Justeru, pada hari yang baik ini, **sukacita saya mengumumkan harga lantai belian padi di Sabah dan Sarawak ditetapkan pada kadar RM1,300 per tan metrik. Penetapan harga minimum belian padi ini akan mula berkuatkuasa pada 15 Februari 2024.**

26. Selaras dengan hasrat KPKM untuk meningkatkan pengeluaran beras negara, langkah menyeragamkan harga lantai belian padi di Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung, kita lihat mampu menyokong industri padi dan beras di Sarawak dan Sabah supaya terus kekal mampan dan berdaya saing. Di samping itu, kenaikan harga minimum belian padi ini berupaya membantu menambah pendapatan pesawah sekaligus menggalakkan mereka untuk meningkatkan pengeluaran padi.
27. Saya percaya, melalui usaha dan kesungguhan daripada semua pihak untuk meningkatkan lagi pengurusan penanaman padi secara sistematik, meningkatkan pengetahuan pesawah, menggunakan teknologi terkini serta menambah baik dan menaik taraf infrastruktur pengairan dan lain-lain, prestasi penanaman padi di Sarawak akan dapat diperkasakan.

28. Dalam hubungan ini, KPKM amat menghargai usaha yang telah dibuat oleh Jabatan dan Agensi di Bumi Kenyalang untuk meningkatkan lagi produktiviti hasil padi di negeri ini. Sepertimana kita sedia maklum, pembangunan penanaman padi moden yang dilaksanakan dalam skala besar memerlukan kos yang tinggi seperti penggunaan jentera, input pertanian, dan sebagainya.
29. Oleh itu, pada hari ini, satu pakej bantuan mekanisasi akan disalurkan kepada syarikat-syarikat peneraju di bawah Program SMART SBB di Tanjung Bijat dan juga Koperasi Pertanian Sri Aman Berhad yang bernilai RM810,000.00 secara keseluruhan, bagi menggiatkan lagi penanaman yang mengaplikasikan teknologi moden di sini.
30. Alhamdulillah, pada hari ini juga kita akan membuat lawatan ke Tapak Projek SMART SBB Tanjung Bijat dan kemudiannya ke Tapak Penanaman Padi Tradisional di Stumbin. Sekiranya berkesempatan dan keadaan cuaca mengizinkan, kita juga akan mengadakan lawatan ke Tapak Penanaman Padi Bukit di Rh Halary, Nyelam, Sri Aman untuk melihat sendiri proses penanaman padi bukit atau padi huma di Sarawak.

31. Pada masa akan datang, saya amat berharap agar lebih banyak pemain industri, terutama syarikat peneraju di bawah program SMART SBB, akan tampil dengan idea dan inovasi baharu supaya program tersebut dapat dibangunkan bukan hanya untuk padi, tetapi juga tanaman lain.
32. Kementerian sentiasa menyokong aspirasi dan usaha kerajaan Sarawak untuk memodenkan sektor pertanian bagi pengeluaran padi yang tinggi untuk pasaran tempatan, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada beras import.

Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian,

33. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada hari ini, terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan lawatan kerja ke Bumi Kenyalang pada kali ini. Saya sejujurnya amat berharap suatu hari nanti usaha kita ini akan menjadikan Malaysia bukan lagi sebagai pengimport Beras Putih tetapi juga sebagai antara pengeksport utama Beras Putih di rantau ini.
34. Tidak lengkap rasanya sekiranya ucapan saya tidak diakhiri dengan serangkap pantun:

“Perahu balok membawa kain,  
Patah kemudi di Betin Sebandi;  
Kamek oghang sik main-main,  
Demi negara, kita sama-sama, laksana “Gelombang Padi”.

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah

Wassalamualaikum Wa Rahmatullahi Wa Barakatuh.

**Disediakan oleh:**

**Bahagian Pembangunan Industri Padi, KPKM**

**5 Februari 2024**